



KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Notis Privasi

1. Notis Privasi KPDRM

- 1.1. Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (dikenali sebagai "**KPDRM**" atau "**kami**") sangat komited dan sentiasa memberikan keutamaan tinggi untuk melindungi data peribadi dan mengambil kira hak anda dalam pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan data peribadi anda.
- 1.2. Notis Privasi ini adalah selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia untuk mengawal selia pemrosesan maklumat peribadi dalam transaksi komersial yang telah berkuatkuasa pada 15 November 2013.
- 1.3. Notis Privasi ini menerangkan bagaimana KPDRM mengumpul, memproses, menggunakan, mendedahkan, memindahkan, menyimpan dan melindungi data peribadi atau maklumat yang telah anda berikan kepada KPDRM.

2. Pengumpulan Data Peribadi

- 2.1 KPDRM mengumpul maklumat daripada anda melalui pelbagai saluran dan sumber termasuklah semasa anda mendaftar sebagai anggota KPDRM, semasa anda melawat laman web kami, semasa anda melanggan produk kami, semasa anda menggunakan perkhidmatan kami dan melalui sumber-sumber lain yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 2.2 Maklumat peribadi anda mungkin juga telah diberikan kepada KPDRM oleh pihak ketiga yang diberi kuasa seperti pasangan anda, sebuah syarikat di mana anda seorang pengarah, pegawai atau pemegang saham, atau perkongsian di mana anda adalah seorang rakan kongsi untuk produk dan/atau perkhidmatan pihak ketiga ini telah diminta daripada KPDRM atau telah diberikan kepada KPDRM. Dalam konteks ini, istilah "anda" dalam Notis Privasi ini dilanjutkan untuk mana-mana individu yang data peribadi telah diberikan kepada KPDRM dan/atau telah dikumpul semasa anda membuat apa-apa transaksi dengan KPDRM.
- 2.3 Data peribadi yang kami kumpulkan dan proses adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat-maklumat berikut:-
 - (i) Nama penuh, nama syarikat, nama majikan dan jawatan pekerjaan;
 - (ii) Maklumat untuk dihubungi termasuk alamat, poskod, nombor telefon dan alamat e-mel;
 - (iii) Maklumat peribadi/kewangan seperti borang EA, tarikh lahir, umur, jantina, nombor kad pengenalan, no kad pengenalan polis, no ahli KPDRM, no passport, bangsa, agama, taraf perkahwinan, pendapatan bulanan, sejarah pembayaran dan pembiayaan;
 - (iv) Maklumat sensitif seperti keturunan, bangsa, agama, latar belakang kesihatan, atau jenayah;



KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

- (v) Maklumat pasangan anda dan/atau penjamin dan/atau waris dan/atau penama dan/atau anak;
- (vi) Sebarang maklumat lain yang relevan kepada KPDRM; dan
- (vii) Sebarang maklum balas, aduan atau mesej yang dihantar melalui emel, faks atau pos termasuk maklumat peribadi seperti nama, emel, alamat dan nombor telefon.

3. Memproses Data Peribadi

3.1 Data peribadi boleh diproses oleh KPDRM dan/atau pihak ketiga yang dibenarkan oleh KPDRM untuk tujuan berikut:-

- (i) Untuk berkomunikasi dengan anda;
- (ii) Urusan berkaitan perkhidmatan keanggotaan;
- (iii) untuk menyediakan produk/perkhidmatan kepada anda termasuk produk/perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana anak syarikat KPDRM;
- (iv) Memproses permohonan pembiayaan, pembelian barangan, produk atau perkhidmatan.
- (v) untuk memproses transaksi pembayaran;
- (vi) Penyelenggaraan pengkalan data;
- (vii) Pembaharuan dan tuntutan takaful;
- (viii) Pembayaran dividen;
- (ix) untuk menguruskan dan mengekalkan akaun dan kemudahan;
- (x) untuk mengesahkan kedudukan kewangan menerusi pemeriksaan rujukan kredit;
- (xi) untuk menjawab pertanyaan dan aduan anda serta menyelesaikan pertikaian secara am;
- (xii) untuk menguruskan pembabitan anda dalam sebarang peraduan dan/atau sebarang kempen;
- (xiii) untuk melaksanakan aktiviti dalaman;
- (xiv) untuk melakukan kaji selidik pasaran dan analisis trend bagi meningkatkan produk dan perkhidmatan KPDRM;
- (xv) untuk memenuhi keperluan pihak berwajib/keperluan perundangan/undang-undang yang termaktub; dan/atau
- (xvi) untuk aktiviti KPDRM lain yang sah.

3.2 Adalah perlu memberi kebenaran kepada KPDRM untuk memproses dan menzahirkan data peribadi anda bagi tujuan-tujuan di atas. Jika anda ingin menarik balik persetujuan untuk kami proses dan zahirkan data peribadi untuk tujuan-tujuan di atas, kami tidak dapat menawarkan perkhidmatan kami kepada anda dan ia boleh menjejaskan langganan produk/perkhidmatan kami dan/atau perkhidmatan keanggotaan.

4. Penzahiran Data Peribadi

4.1 Adalah dimaklumkan dalam sebarang situasi dan jika diperlukan ketika melaksanakan tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas dan bagi membolehkan kami menyediakan maklumat mengenai produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan dan promosi kami dan/atau pihak ketiga yang mungkin mendapat perhatian anda, KPDRM boleh menzahirkan maklumat peribadi anda kepada pihak-pihak berikut:-

- (i) sebarang organisasi yang bekerjasama dengan KPDRM;
- (ii) sebarang organisasi untuk melengkapkan transaksi yang diminta oleh anda;



KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

- (iii) penyedia-penyedia perkhidmatan kewangan (contohnya: bank atau syarikat takaful);
 - (iv) penyedia-penyedia perkhidmatan kepada KPDRM (contohnya rakan kerjasama jualan atau rakan kerjasama strategik);
 - (v) Pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan pemprosesan data, peguam atau agensi pemungut hutang atau agensi rujukan kredit yang mana telah beraku janji melindungi dan memastikan maklumat anda dirahsiakan;
 - (vi) sebarang pihak yang dilantik oleh anda (contohnya: peguam, penasihat kewangan atau juruaudit);
 - (vii) anak-anak syarikat KPDRM atau syarikat sekutunya;
 - (viii) penasihat profesional KPDRM (contohnya: juruaudit, peguam atau perunding);
 - (ix) mana-mana pihak yang memberikan sebarang jaminan di bawah kemudahan anda;
 - (x) mana-mana pihak yang dibenarkan mengikut ketetapan undang-undang, Perintah Mahkamah dan/atau pihak berwajib dan kawal selia;
 - (xi) Mana-mana agensi penguatkuasa;
 - (xii) Syarikat pengurusan harta, pemilik tanah yang berkenaan, Badan Pengurusan Bersama dan/atau perbadanan pengurusan; dan/atau
 - (xiii) pembekal kemudahan awam dan utiliti, termasuk tetapi tidak terhad kepada Indah Water Consortium , Tenaga Nasional Berhad dan syarikat pembekal air;
- 4.2 KPDRM juga mungkin akan menzahirkan maklumat anda jika dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang atau secara niat baik, jika tindakan tersebut adalah perlu bagi melindungi dan mempertahankan hak atau harta KPDRM, pekerjaanya dan syarikat-syarikat berkaitannya.
- 4.3 Jika anda tidak mahu menerima sebarang komunikasi pemasaran daripada kami, anda boleh menarik balik persetujuan untuk tujuan pemasaran dengan menghubungi **03-2260 8999** atau emel kepada info@kpd.com.my atau melawat pejabat berdaftar KPDRM atau mana-mana kaunter perkhidmatan KPDRM yang terdekat atau boleh menulis surat kepada alamat di bawah. Adalah dimaklumkan di sini, ia mungkin mengambil sehingga empat belas (14) hari bekerja sebelum penarikan persetujuan itu boleh dikuatkuasakan.

Setiausaha
Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad
Bangunan Koperasi Polis
No. 1, Jalan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

- 4.4 Dalam situasi tertentu, kami mungkin memindahkan data peribadi anda ke lokasi di luar Malaysia bagi tujuan pemprosesan atau simpanan bagi membolehkan kami menyediakan perkhidmatan kami dan/atau perkhidmatan lain yang diminta oleh anda atau bagi tujuan untuk menunaikan ketetapan kontrak anda dengan KPDRM.

5. Penyimpanan Data Peribadi

KPDRM akan hanya menyimpan data peribadi anda sepanjang tempoh kami menyediakan perkhidmatan kepada anda, memenuhi keperluan peraturan dan perundangan, dan memenuhi keperluan dalaman KPDRM. Jika data peribadi anda tidak lagi memenuhi mana-mana keperluan di atas, KPDRM akan memusnahkan dan memadamkan secara kekal data peribadi anda.



KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

6. Perlindungan Data Peribadi

KPDRM komited dalam memastikan keselamatan data peribadi anda. Bagi mengelak akses dan tanpa kebenaran, KPDRM sudah melaksanakan kaedah pencegahan fizikal, elektronik, dan prosedur pengesahan yang bersesuaian bagi melindungi dan memastikan keselamatan data peribadi yang dikumpulkan daripada anda dan/atau daripada sumber lain. Walau bagaimanapun kami tidak menjamin maklumat anda tidak akan didedahkan dalam cara yang tidak konsisten dengan Notis Privasi ini disebabkan oleh perbuatan yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang oleh pihak ketiga.

7. Akses/Pembetulan/Kemaskinian Data Peribadi

- 7.1 KPDRM komited untuk memastikan bahawa data peribadi yang kami dapati daripada anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini. Sila hubungi kami jika terdapat sebarang perubahan kepada data peribadi anda atau jika anda percaya bahawa data peribadi yang kami pegang adalah tidak tepat, tidak lengkap atau bukan yang terkini.
- 7.2 Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, anda mempunyai hak untuk mengakses data peribadi anda. Jika anda ingin mengakses data peribadi anda, sila hubungi kami.
- 7.3 Kami juga mungkin mengambil langkah untuk mengesahkan identiti anda sebelum memenuhi permintaan anda untuk mengakses data peribadi anda. KPDRM berhak untuk menolak permintaan anda untuk mengemaskini, meminda, mengubah atau memansuh data-data peribadi anda sekiranya pemprosesan permintaan tersebut adalah tidak munasabah, berulang-ulang, memerlukan usaha teknikal yang tidak seimbang, boleh menjejaskan atau membahayakan privasi orang lain, sangat tidak praktikal, tidak sah, tidak adil atau permintaan akses tidak disarankan oleh undang-undang Malaysia.

8. Perubahan Pada Notis Privasi Ini

KPDRM mungkin mengemaskini dan membuat pindaan terhadap Notis Privasi ini dari semasa ke semasa. Jika terdapat perubahan ketara pada Notis Privasi ini, kami akan memberitahu anda dengan memaparkan tentang perubahan tersebut di laman web kami atau menghantar pemberitahuan kepada anda secara terus. Semak semula Notis Privasi ini dari semasa ke semasa supaya anda sentiasa maklum tentang cara kami melindungi maklumat anda.

9. Hubungi kami

Untuk sebarang pertanyaan mengenai Notis Privasi ini, permintaan atau mengemaskini data peribadi anda, anda boleh pada bila-bila masa hubungi kami di **03-2260 8999** atau emel kepada **info@kpd.com.my** dengan memberikan nama penuh anda dan nombor pengenalan untuk pengesahan diri.



KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

10. Penafian

Setiap maklumat yang terkandung di laman web KPDRM adalah tepat dan terkini. Walau bagaimanapun, maklumat yang didapati di laman ini boleh diubah, disunting atau ditarik semula dari semasa ke semasa dan pihak KPDRM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti berkenaan ketepatan maklumat yang dipaparkan. Pihak KPDRM berhak membuat sebarang perubahan tanpa sebarang notis. Sesetengah maklumat adalah pautan dari pihak ketiga dan pihak KPDRM tidak akan bertanggungjawab terhadap ketepatan atau sebarang perkara lain yang berkait dengan pautan-pautan berkenaan. Maklumat untuk dimuat turun adalah dijamin bebas dari sebarang virus. Pihak KPDRM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang berlaku akibat jangkitan sebarang virus.
